

'Kalau nak cemerlang perlu tegas'

Kuala Lumpur: "Saya akui saya memang tegas, sebab bagi saya kalau nak cemerlang, perlu tegas, saya rasa semua guru faham kenapa saya tegas ketika saya menjadi guru dan pengetua dulu, tapi di luar sekolah saya boleh menjadi kawan baik kepada mereka," kata Tokoh Guru Kebangsaan, Tengku Azuan Tengku Mohamed, 63.

Beliau berkata demikian, sebaik menerima anugerah itu daripada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena Hari Guru Kebangsaan ke-43 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Menurut Tengku Azuan, sifat ketegasan yang dimilikinya membolehkan beliau menerapkan beberapa penambahbaikan di sekolah sehingga berjaya menjadikan sekolah itu cemerlang di peringkat akademik.

"Saya bukan garang, menjadi seorang guru perlukan ketegasan, ia penting untuk mendidik anak bangsa kita supaya lambat laun mereka akan sedar dan akan ingat bahawa apa yang kita ajar itu berjaya menjadikan mereka seorang manusia berguna," katanya.

Beliau yang pernah menjadi Pengetua di Sekolah Seri Puteri (SSP) Kuala Lumpur pada 1999 bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai program kecemerlangan sehingga melonjakkan nama sekolah itu di peringkat kebangsaan dan

persada antarabangsa.

Antaranya memperkenalkan budaya 'Profesional Learning Community' dalam kalangan guru, memperkasakan bahasa Inggeris melalui sesi syarahan umum, selain mewujudkan Anugerah Principal's List dan Subject Based Classroom.

Memulakan kerjaya guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Zainab, Kota Bharu pada 1976, beliau dilantik ke jawatan Guru Penolong Kannan (GPK) di SMK Hulu Kelang sebelum menjadi pengetua di SMK Seri Gombak, SMK Taman Melawati, SSP, SMK Aminuddin Baki dan mengakhiri kerjayanya sebagai pengetua di Kolej Tunku Kurshiah pada 2007.

Kemuncak kerjayanya apabila merupakan satu-satunya Pengetua Cemerlang Jus C yang diberi kepercayaan serta amanah untuk membimbing dan menerajui tiga buah sekolah cemerlang iaitu SSP, SMK Aminuddin Baki dan Kolej Tunku Kurshiah kerana ketiganya kini diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi.

Beliau turut menyumbang ke-

“Saya tak nafikan zaman sekarang agak berlainan, dulu agak senang nak jadi cikgu, sekarang sebab cabaran terlalu besar, sebab zaman Internet, pelajar boleh merujuk kepada Internet, jadi cikgu perlu bekerja lebih kuat lagi supaya pelajar sentiasa memerlukan cikgu,” katanya.

Tengku Azuan

pakaran di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dalam pembinaan modul Headcount yang masih diguna pakai oleh pentadbiran sekolah sehingga ke hari ini.

Meskipun sudah bersara, hari-harinya sentiasa dipenuhi dengan pelbagai aktiviti program kecemerlangan pendidikan termasuk ceramah mengenai Headcount kepada guru-guru serta kursus Kepimpinan dan Sistem Rumah kepada Ketua Pelajar dan Ketua Rumah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara.

Tengku Azuan yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan turut membantu dan berkongsi pengalamannya mengenai integriti bersama pemimpin sekolah, guru-guru dan guru pelatih di Institut Integriti Malaysia sehingga sekarang.

Katanya, guru pada masa kini berdepan dengan pelbagai cabaran dan perlu mempersiapkan diri dengan segala aspek bagi memastikan pelajar sentiasa menjadikan guru sebagai sumber rujukan yang penting.

"Saya tak nafikan zaman se-

karang agak berlainan, dulu agak senang nak jadi cikgu, sekarang sebab cabaran terlalu besar, sebab zaman Internet, pelajar boleh merujuk kepada Internet, jadi cikgu perlu bekerja lebih kuat lagi supaya pelajar sentiasa memerlukan cikgu," katanya.

Selain Tengku Azuan, sambutan itu juga turut memberikan pengiktirafan Tokoh Kepimpinan Kebangsaan yang dianugerahkan kepada Tan Sri Alimuddin Mohd Dom.

Alimuddin

yang kini berkhidmat sebagai Penasihat Kajian Semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) di Jabatan Pengajian Tinggi berpendapat guru-guru sekarang sangat bertuah kerana diberi pelbagai pengiktirafan dan juga kelengkapan kemudahan asas di sekolah.

"Sekarang begitu banyak kelengkapan, sekarang hampir semua sekolah ada kemudahan asas, dari segi bilangan pun banyak, berbeza dengan zaman dulu," katanya.



MUHYIDDIN bersama Tengku Azuan (kiri) sambil diperhati Idris.